



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

Ucapan: ADHO

337

105/79

PEN. 3/75/ 40 (TPM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 4.00 petang pada 8.3.1975

DATUK HUSSEIN ONN RASMI KILANG
KASUT PERMADA

Ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, di upacara pembukaan resmi Kilang Kasut Permada, Tapak Perindustrian Mergong, Alor Star, Kedah pada 8hb. Mac, 1975 jam 3.30 petang.

Saya sangat sukacita kerana dapat bersama-sama pada upacara peresmian Kilang Kasut Permada petang ini. Saya sukalah terlebih dahulu mengucapkan terimakasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Syarikat ini kerana memberi penghormatan kepada saya meresmikan kilang. Sesungguhnya pembukaan kilang kasut ini merupakan batu tanda dalam perindustrian bagi negeri Kedah kerana inilah kilang yang pertama didirikan di kawasan perindustrian Mergong dan telah mula berjalan operasi pengeluarannya. Ini juga merupakan kilang yang terbesar di Kedah sekarang ini.

Saya sangat puas hati dengan struktur syarikat ini yang mencerminkan hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru, bukan sahaja dalam usaha membawa perindustrian ke bandar-bandar kecil atau luar bandar juga dalam memenuhi objektif kita mengadakan peluang-peluang pekerjaan.

Pada keseluruhan syarikat ini adalah sebuah syarikat tempatan dalam ertikata penyertaan equity Bumiputera dan guna tenaga kerja. Saya diberitahu bahawa hampir 80% daripada pekerja-pekerja di Syarikat ini terdiri dari Bumiputera dan mereka meliputi semua gulungan iaitu dari peringkat pengurusan dan ikhtisas hinggalah pekerja-pekerja am diperingkat rendah.

Saya suka juga mengambil kesempatan disini mengucapkan tahniah dan penghargaan tinggi kepada Encik Lee Eng Tong, tokoh industrialist dari Pulau Pinang yang telah menunjukkan keberanian dan kesanggupannya menanam modal di Alor Star ini bagi membantu kaum keluarga petani negeri Kedah. Saya percaya budi-baik dan usaha beliau ini akan menjadi kenangan dan ingatan kepada seluruh kaum tani di kawasan MADA ini.

Saya juga suka mengucapkan syabas kepada MADA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah atas daya-usaha dan inisiatif mereka menarik pelaburan modal ini dan juga turut sama dalam perkongsian menubuhkan syarikat Kilang Kasut Permada ini. Syarikat ini ialah joint venture yang pertama bagi MADA dan saya berharap penyertaan joint-venture pertama ini akan menjadi daya penggerak kepada lebih banyak lagi projek-projek joint-venture yang viable seperti ini.

Dalam hubungan ini saya sukalah menyatakan bahawa kerajaan telahpun meluluskan penubuhan tiga buah kilang membuat kertas-kotak dari jerami padi di kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Satu darinya ialah di kawasan Mergong sementara yang lainnya ialah di Seberang Perai dan Pulau Pinang. Pihak MADA patutlah memikirkan perkongsian dengan syarikat-syarikat ini atas dasar bahawa mereka boleh menyediakan jerami-jerami padi iaitu bahan utama yang hendak digunakan oleh kilang-kilang tersebut.

(2)

Saya mendapat tahu jika ketiga-tiga kilang ini berjalan dengan sepenuhnya jerami padi yang akan digunakan dianggarkan sebanyak 10,000 tan sebulan. Ini tentulah satu berita yang baik untuk masa depan penanam-penanam padi kita terutama di kawasan Utara Semenanjung Malaysia ini. Tambahan pula Kerajaan memang menggalakkan pembinaan kilang perindustrian yang boleh menggunakan bahan-bahan tempatan yang mudah didapati seperti jerami dan dedak iaitu sebagai tambahan kepada perusahaan padi dan beras.

Saya juga sukacita mendapat tahu bahawa Kilang Kasut Permada ini telah dapat menampung keperluan guna-tenaga yang berlebihan di kawasan padi dua kali setahun yang menggunakan jentera moden. Sungguhpun pada mulanya ada kebimbangan mengenai kemahiran pekerja-pekerja di kawasan ini, tetapi setelah setahun kilang ini berjalan operasinya pekerja-pekerja tempatan telah dapat membuktikan bahawa orang-orang luar bandar juga tidak kurang kebolehan mereka kiranya diberi peluang.

Saya faham bahawa bukanlah begitu mudah hendak menarik pemodal-pemodal dan pengusaha-pengusaha perindustrian dari luar ke Negeri Kedah ini berlebih-lebih lagi bagi pengeluaran export-oriented seperti kasut kanvas ini. Tetapi dengan adanya infrastruktur yang sesuai dan baik serta dengan kemudahan-kemudahan atau incentives, kita harus dapat menarik minat pelabur-pelabur luar lebih ramai lagi. Mungkin kita tidak boleh menarik pengusaha-pengusaha kelas satu, tetapi dengan adanya kerjasama, sokongan dan galakkan dari pihak SEDC Pulau Pinang, Negeri Kedah boleh menarik sebilangan industri-industri yang mencari kawasan lain atau alternative dimana boleh diberikan local incentive.

Dalam hal ini saya sukalah menegaskan pentingnya hubungan dan rundingan yang kerap diadakan antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Agensi-agensi yang menjadi Ahli Jawatankuasa Penyelaras Perbadanan Wilayah yang ditubuhkan antara Negeri-Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perak supaya peluang-peluang pelaburan ini dapat ditentu dan salurkan ke kawasan perindustrian lain dengan tujuan agar Negeri-negeri Kedah dan Perak dapat menikmati kemajuan perindustrian yang sewajarnya.

Seperti kia semua maklum konsep pembangunan Wilayah amatlah penting dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Langkah ini merupakan satu strategi yang sangat-sangat diperlukan dalam proses pembangunan negara iaitu menurut konsep pusat pertumbuhan baru atau new growth centres. Mengikut corak lama yang masih berjalan sekarang ini, kawasan-kawasan yang sudah maju menjadi bertambah maju dengan adanya penumpuan faktor-faktor ekonomi dan sosial yang menarik pelaburan baru ke kawasan-kawasan itu seperti yang dialami di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia, sedangkan wilayah-wilayah Pantai Timur tidak mempunyai kemudahan infrastruktur terus tinggal terbiar. Kita berharap dengan adanya pembangunan wilayah keadaan seperti ini akan dapat diatasi dan kemajuan perindustrian yang tidak seimbang ini akan dapat diperbaiki supaya setiap negeri sama ada di Pantai Barat ataupun Pantai Timur akan dapat menikmati faedah perkembangan ekonomi perindustrian yang sama.

Saya percaya dengan siapnya pembinaan lebohraya Timur Barat dan jalan raya Kuala Lumpur/Karak serta Kuantan/Segamat disamping Pelabuhan Tanjung Gelang di Kuantan dan Pasir Gudang dekat Johor Bahru, masalah pertumbuhan perindustrian yang tidak seimbang ini akan dapat diperbaiki.

Walaupun pengeluaran perkilangan dalam tahun 1974 adalah lebih perlahan dari kegiatannya dalam tahun 1973, sektor perkilangan terus memainkan peranan sebagai pendorong utama kepada perkembangan ekonomi negara kita. Sungguhpun kebanyakan pengeluaran perkilangan telah merosot di sebabkan oleh kemelesetan permintaan terutama sekali bagi perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan barang-barang untuk diekspot, tetapi pengeluaran yang diekspotkan oleh Kilang Kasut Permada ini adalah semakin bertambah. Jumlah eksport dijangka meningkat dari 700,000 pasang dalam tahun 1974 kepada 1.3 juta pasang tahun ini. Pesanan ini semuanya dikirinkan ke France dan England. Saya yakin Syarikat ini akan dapat meluaskan pasarannya ke negara-negara lain di Eropah dan Asia Barat. Dengan adanya taraf perintis selama 5 tahun mulai awal tahun ini saya percaya syarikat ini akan dapat meneroka kawasan-kawasan pasaran baru di luar negeri. Usaha ini boleh dijalankan menerusi pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Luar kita di Seberang Laut.

Malaysia sebagai sebuah negara kecil tentulah terhad dalam usahanya hendak mewujudkan indasteri penggantian import (import substitution industries). Pada hemat saya jika kita hendak berjaya dalam pembangunan ekonomi moden, kita haruslah memajukan lebih banyak lagi "export oriented and labour intensive industries". Sungguhpun menjadi dasar kita membanyakkan export-oriented industries yang boleh mengadakan peluang pekerjaan yang banyak, tetapi bagi menghadapi keadaan kemerosotan ekonomi dan memenuhi keperluan Rancangan Buku Hijau kita, Kerajaan memberi keutamaan dan galakan yang lebih kepada industri-industri agro-based yang boleh menggunakan bahan-bahan tempatan.

Berbalik kita kepada Syarikat Kilang Kasut Permada ini saya sukalah memuji pihak Lembaga Pengarahnya yang sentiasa mematuhi syarat-syarat yang dikenakan keatasnya sebagai sebuah syarikat bertaraf perintis. Sebagaimana saya telah katakan awal tadi bahawa kilang kasut Permada ini adalah satu-satu perusahaan yang benar-benar mencerminkan semangat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan dan saya sukalah melihat syarikat-syarikat lain mencontohnya.

Saya sukalah mengingatkan pengusaha-pengusaha yang lain yang masih lagi ragu-ragu melaksanakan hasrat ini supaya memahami hakikat bahawa Dasar Ekonomi Baru ini telah dipersetujui oleh semua pihak dan golongan rakyat. Oleh itu saya harap semua syarikat-syarikat di negara ini haruslah mematuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini samada dari segi equity penyertaan ataupun penggunaan tenaga kerja dalam semua peringkat pengurusan dan pekerjaan. Adalah menjadi dasar Kerajaan iaitu tenaga pekerja di kilang-kilang hendaklah mencerminkan penduduk berbagai kaum di negara kita ini.

Akhirnya saya ingin sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada Lembaga Pengarah Syarikat Kilang Kasut Permada ini atas penghormatan dan kepada kakitangan atas sambutan yang telah diberikan kepada saya di upacara yang gemilang ini.



Dengan ini saya dengan sukacitanya meresmikan pembukaan Kilang Kasut Permada ini dan berharap ianya akan maju-jaya.

Terima kasih.

KUALA LUMPUR,
7hb. Mac, 1975.

(dikeluarkan pada pukul 3.00 petang)

=====



Uraian mengenai perkembangan ekonomi Malaysia dalam tahun 1974 adalah lebih perlahan dari kejadiannya dalam tahun 1973, sektor perkhidmatan terus menunjukkan peranan sebagai penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi negara kita. Sumbangannya kebanyakannya perkembangan perkhidmatan telah merosot di sebabkan oleh kemelotan permintaan terutama sekali bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang memerlukan barang-barang untuk diekspor, tetapi pengeluaran yang dieksploitasi oleh Kilang Kaum Perdana ini adalah semakin bertambah. Jumlah eksport dijangka meningkat dari 900,000 paang dalam tahun 1974 kepada 1.5 juta paang tahun ini. Peranan ini sememangnya dikira akan ke France dan Belanda. Jika anda syarikat ini akan dapat meluaskan perniagaan ke negara-negara lain di Eropah dan Asia Barat. Dengan adanya tarai perintis selama 5 tahun mulai awal tahun ini saya percaya syarikat ini akan dapat menemokan kawasan-kawasan pasaran baru di luar negeri. Usaha ini boleh dijalankan menurut pejabat-pejabat Perumahan Jaya Perumahan Luar Kita di beberapa tempat.

Malaysia sebagai sebuah negara kecil tentulah terhad dalam usahanya hendak mewujudkan industri-industri penggantian import (import substitution industries). Pada masa ini kita hendak berjaya dalam pembangunan ekonomi moden, kita haruslah memajukan lebih banyak lagi "export oriented and labour intensive industries". Sumbangannya menjadi dasar kita membangun dan export-oriented industries yang boleh menghasilkan pelbagai pekerjaan yang banyak, tetapi bagi menghadapi keadaan kesempitan ekonomi dan memajukan keperluan Rancangan Lima Tahun Kita, Kerajaan memberi perhatian dan galakan yang lebih kepada industri-industri agro-based yang boleh menggunakan bahan-bahan tempatan.

Berbalik kita kepada Syarikat Kilang Kaum Perdana ini saya sentiasa mahu melihat perkembangan yang sentiasa meningkatnya syarikat yang dikendalikan olehnya sebagai syarikat perintis. Keperluan saya ialah melihat awal tadi bawah Kilang Kaum Perdana ini adalah satu-satu perusahaan yang benar-benar menunjukkan semangat dan kemudiannya. Kerajaan dan saya akan melihat syarikat-syarikat lain.

Saya akan meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain yang masih lagi ragu-ragu melaksanakan hari ini supaya memenuh hakikat industri. Dasar Ekonomi Baru ini telah dipersetujui oleh semua pihak dan gubahan rakyat. Oleh itu saya harap semua syarikat-syarikat di negara ini berusaha mematuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini samada dari segi penyertaan dalam pembangunan tenaga kerja atau semua peringkat perniagaan dan pekerjaan. Alasan menjadi dasar Kerajaan ialah tenaga pekerja di kilang-kilang hendaklah mematuhi perundangan perkhidmatan di negara kita ini.

Akhirnya saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Syarikat Kilang Kaum Perdana ini atas penyertaan kepada kakitangan atau sambutan yang telah diberikan kepada saya yang gemilang ini.

Dengan ini saya dengan sukacitanya menyerahkan kepada Kilang Kaum Perdana ini dan berharap saya akan maju-jaya. Terima kasih.



KUALA LUMPUR, 7th. Mac, 1975. (dikeluarkan pada pukul 5.00 petang)

No. Siri	143
No Penerimaan	5/79